

Shah Alam

S eorang janda anak enam dipercayai terabit dalam sindiket pengedaran dadah ditahan bersama dadah bernilai RM514,000 di Ampang, Jumat lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin berkata, wanita tempatan berusia 32 tahun itu ditahan di sebuah apartmen di Taman Muda, Ampang Jaya, dalam operasi jam 11 pagi.

"Polis merampas dadah disyaki methamphetamine dengan anggaran berat satu kilogram dalam almari pakaian di bilik pertama.

"Sementara dadah disyaki ganja anggaran berat 149.9 kilogram ditemui dalam almari pakaian di bilik kedua, kedua-dua rampasan bernilai RM514,000," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinen Selangor di sini, semalam.

Noor Azam berkata, wanita itu yang juga penganggur memiliki dua rekod dadah mengikut Seksyen 12(2)/12(3) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Ujian saringan awal air kencing mendapati suspek positif methamphetamine," katanya.

Noor Azam berkata, susulan tangkapan itu, polis menangkap dua lelaki tempatan iaitu rakan sepenjernayah wanita terabit di sebuah rumah di Batu Caves, Gombak pada jam 5.30 petang hari sama.

"Hasil pemeriksaan di rumah itu, polis menemui se-



Janda dadah RM514,000

NOOR Azam (dua dari kanan) menunjukkan rampasan dadah di Ibu Pejabat Polis Kontinen Selangor, Shah Alam, semalam.

Tiga individu termasuk wanita enam ditahan miliki ganja methamphetamine

jumlah dadah disyaki ganja anggaran berat 666 gram di atas meja di ruang tamu rumah terabit dengan anggaran nilai RM2,000.

"Kedua-dua suspek turut positif dadah. Masing-masing berusia 53 dan 49 tahun,

sudah berkahwin dan bekerja sebagai pendawai elektrik.

"Bagaimanapun, mereka tidak

Siasatan lanjut dijalankan di mana suspek mendapat bekalan dadah terabit

mempunyai rekod lampau," katanya.

Beliau berkata, polis percaya kegiatan suspek aktif sejak tiga bulan

lalu, namun siasatan lanjut dijalankan di mana suspek mendapat bekalan dadah terabit.

Katanya, semua suspek ditahan mengikut Seksyen 117 Kanun Akta Jenayah selama tujuh hari bermula 29 Fe-

bruari lalu hingga 6 Mac ini bagi siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

"Ini adalah sindiket kelapan ditumpaskan Polis Selangor tahun ini," katanya.